

Persepsi Belia Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

NOR HAYATI FATMI TALIB, BANI HIDAYAT MOHD SHAFIE,
CHE NOR KHARSIAH YASSIN & AHMAD TARMIZI TALIB

ABSTRAK

Kursus Tamadun Islam adalah kursus wajib bagi semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia termasuk politeknik. Makalah ini membincangkan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kursus Tamadun Islam di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu. Sampel kajian ini terdiri daripada 231 orang pelajar dari kalangan belia daripada 6 program pengajian peringkat diploma. Hasil kajian mendapati bahawa tahap persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Tamadun Islam di PSMZA adalah berada pada tahap tinggi. Secara ringkas, pelajar berpuas hati dengan proses pengajian di PSMZA. Kajian ini juga mendapati perbezaan gender dan program pengajian yang diikuti tidak mempengaruhi persepsi mereka terhadap proses P&P. Respon pelajar terhadap sokongan akademik yang disediakan oleh PSMZA adalah baik. Walau bagaimanapun, PSMZA menghadapi kekurangan jumlah tenaga pengajar dan tenaga pengajar sedia ada tidak mempunyai kelayakan iktisas yang sepatutnya.

Kata kunci: *Tamadun Islam, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Pengajaran dan Pembelajaran, Sokongan Akademik*

ABSTRACT

Islamic Civilization is a compulsory course for each and every student enrolled in Malaysian Higher Education Institution such as Politechnic. This paper will discuss students' perception in the process of teaching and learning (T&L) of this course at Sultan Mizan Zainal Abidin Politechnic (PSMZA) Dungun Terengganu. The sample of this study comprise of 231 PSMZA's students from various academic programs. This study found that the students' perception is very high towards the process of T&L. Their perceptions towards academic supports provided by the polytechnic are

very positive. There are no significant differences between gender or academic programs in terms of their perceptions towards the process of T&L and academic supports provided. However, there are facing problems in terms of sufficient number of academic staffs and lacks of qualification in teaching such course.

Keywords: *Islamic Civilization, Politechnic Sultan Mizan Zainal Abidin, Teaching and Learning, Academic Support*

PENDAHULUAN

Peradaban adalah antara perkara penting yang dikemukakan dalam al-Quran yang menyentuh soal ketamadunan kemanusiaan secara keseluruhan. Ini dibuktikan dengan kenyataan al-Quran tentang sejarah bertujuan untuk diambil iktibar oleh manusia semasa:

“Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.”

(al-Quran, 12: 111)

Ilmu ketamadunan adalah antara ilmu Islam dekad awal yang diketepikan dan tidak diberikan tempat yang sewajarnya di institusi pendidikan sejak beberapa dekad. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kesedaran mula timbul apabila beberapa negara Islam telah mengembalikan ilmu ketamadunan umumnya dan Tamadun Islam khususnya sebagai ilmu yang diberi keutamaan dalam sistem pendidikan negara masing-masing (Ahmad Shalaby, 1982). Malaysia, adalah sebuah negara contoh dalam meletakkan ilmu ketamadunan dalam sistem pendidikannya di peringkat tinggi. Ini boleh dilihat selari dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama persekutuan.

Kepentingan tamadun telah dibuktikan oleh ramai para sarjana. Jaafar al-Bar (1954) menyatakan bahawa bermula dari kurun ke enam, tidak ada satu tamadun yang berkembang melainkan sedikit sebanyak kesan

daripada tamadun Islam. Perkembangan tamadun di Barat menurut beliau berasal dari zaman kebangkitan Eropah, manakala zaman kebangkitan Eropah berpunca dari tamadun Islam di Sepanyol di samping nilai-nilai kebudayaan yang dibawa balik oleh tentera Salib (*Crusade War*) dari Timur Tengah ke Eropah. Malah di Timur Tengah sendiri berkembang dengan kedatangan tamadun Islam. Tambahnya, mana-mana wilayah yang dimasuki oleh Tamadun Islam akan mengalami kesan baik seperti di India dengan peraturan kelas-kelas atau kasta-kasta melihat fahaman Islam tentang persamaan (*al-Musawah*) sebagai satu penyelesaian, tamadun Islam juga memberikan kesannya kepada Cina, Tanah Melayu dan Indonesia terutama dalam usaha membebaskan negara dari belenggu penjajahan.

Menurut Haider Banmate (1962), agama Islam adalah agama yang bercirikan ketamadunan yang lengkap, hakikat ini berdasarkan kepada keterlibatannya secara langsung di dalam doktrin mengenai ummah agar sentiasa menghargai kebebasan berfikir, kebebasan dan kehormatan individu, perangsang ke arah pencapaian segala bidang keilmuan, pengaturan sistem kehidupan, penegak keadilan sosial dan persamaan di antara manusia. Ahmad Shalaby (1982) pula menegaskan ideologi pendidikan memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah tamadun dan tamadun Islam terbentuk hasil daripada perkembangan pendidikan dan keilmuan sejak zaman bermulanya Islam. Ilmu ketamadunan Islam pada hakikatnya telah pun wujud dalam sejarah pendidikan Islam sejak dari zaman awal Islam lagi dan menjadi semakin rancak bermula zaman kerajaan Abbasiyyah iaitu pada zaman pemerintahan al-Makmun (813 – 833 M) di Baghdad, zaman al-Makmun dianggap sebagai zaman kemajuan pemikiran dalam banyak aspek ilmu pengetahuan dan ketamadunan. Khalifah al-Makmun sendiri adalah seorang yang gemar kepada ilmu pengetahuan, kebudayaan dan sastera, beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan *Bait al-Hikmah* yang kemudiannya dianggap sebagai universiti Islam pertama di mana para ulama, cendekiawan dan pelajar berkumpul (Mahayudin & Ahmad Jelani, 1995, Ahmad Fauzi & Ahmad Tarmizi, 1997).

PROSES KAJIAN

Di Malaysia, subjek Tamadun Islam adalah merupakan kursus wajib yang mesti diambil oleh semua mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi Negara

sebagai syarat untuk bergraduat. Kursus ini turut diperkenalkan di semua kampus politeknik di seluruh Malaysia. Dalam usaha mencapai falsafah pelaksanaan sesuatu kursus sering berlaku *mis-match* dan *win-lose* antara kurikulum yang dihasratkan dengan kurikulum yang beroperasi di bilik darjah. Kurikulum yang dianggap berkesan tidak hanya berdasarkan kepada pencapaian objektif sahaja (Stenhouse, 1975). Dalam kajian ini, pelaksanaan kursus Tamadun Islam dilihat berkemungkinan menghadapi masalah sama. Justeru, dapatan kajian ini diharap mampu mengemukakan bukti saintifik mengenai perjalanan kursus tersebut seperti yang disarankan oleh Barners (1985).

Berasaskan sumber kewangan, masa dan tenaga yang terbatas kajian ini hanya dibataskan kepada persepsi pelajar terhadap proses P&P bagi kursus Tamadun Islam di kampus PSMZA, Dungun, Terengganu. Responden hanyalah terdiri daripada 231 daripada keseluruhan 536 orang pelajar dari enam program diploma. Kajian ini memberi impak yang tinggi kerana jumlah enrolmen semasa bagi politeknik seluruh Malaysia ialah 88,884 orang dengan 320,658 orang graduan telah dilahirkan setakat ini. Keberkesanan pengajaran kursus Tamadun Islam memberi kesan yang mendalam kepada pembentukan Malaysia maju yang bakal dipacu oleh golongan belia ini. Dapatan kajian ini diharap akan dapat memberikan data yang amat berguna bagi tujuan penyemakan dasar dan falsafah diperkenalkan kursus tersebut serta dapat membantu dalam perancangan dan pelaksanaan kursus ini pada masa yang akan datang supaya P&P kursus ini akan lebih efektif, positif dan memenuhi objektif kursus ini ditawarkan.

Makalah ini menjawab beberapa persoalan termasuklah mengenai kecukupan tenaga pengajar dalam mengendalikan P&P kursus ini serta sokongan akademik yang terdapat di PSMZA. Persepsi pelajar digunakan sebagai ukuran untuk melihat perjalanan proses P&P dan sokongan akademik yang mereka perolehi bagi kursus tersebut serta membandingkan persepsi mereka dari segi perbezaan gender dan program pengajian yang mereka ikuti.

Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah survei untuk memperoleh data. Responden dipilih secara rawak berstrata berdasarkan keperluan gender dan program pengajian. Satu set soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Azman (2004) telah digunakan dalam kajian ini.

Kebolehpercayaan instrumen ini telah dipra-ujikan dan memperoleh nilai Cronbach Alpha (α) 0.759. Pekali alpha Koefisien Cronbach digunakan telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Sumber: Norizan (2003) dan Azhar (2006)

Nilai $\alpha = 0.759$ menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi kepada soal selidik mengikut klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Norizan (2003) dan Azhar (2006).

Jadual 2: Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
0.759	25

Sumber: Data kerja lapangan.

Data yang dikumpul telah diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 17.0 untuk menganalisis data secara cepat dan mudah seperti yang dicadangkan oleh Bryman & Cramer (1999) dan Healey, Babbie & Halley (1997).

PERSEMBAHAN DATA DAN ANALISIS DATA

Kedudukan Pensyarah

Dari segi kedudukan pensyarah, kajian mendapati bahawa unjuran peruntukan perjawatan semasa yang diluluskan bagi pensyarah bagi Unit Agama dan Moral di PSMZA adalah seramai 15 orang pensyarah untuk kursus Tamadun Islam. Walau bagaimanapun hanya 11 orang pensyarah yang bertugas dan terpaksa menanggung beban tugas 15 orang pensyarah.

Semua pensyarah Tamadun Islam ini tidak mempunyai latar belakang kelayakan ikhtisas Tamadun Islam. Mereka hanya mempunyai latar belakang iktisas Pendidikan Islam dan Pengajian Islam. Dari segi latihan dalam perkhidmatan, hanya 2 dari 11 orang pensyarah terlibat dengan Kursus Metodologi P&P Tamadun Islam, iaitu sekali pada 2004.

Profil Pelajar

Jumlah responden adalah 231 orang (n=231) di mana majoriti adalah responden lelaki (68.4%) dan bakinya perempuan (31.6%). Jumlah responden berdasarkan peratus mengikut program pengajian adalah seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Profil Sampel Kajian Mengikut Jantina dan Program Pengajian

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
1	JANTINA	Lelaki	158	68.4
		Perempuan	73	31.6
2	PROGRAM PENGAJIAN	Dip. Kejuruteraan Awam	64	27.7
		Dip. Kejuruteraan Elektronik	31	13.4
		Dip. Kejuruteraan Mekanikal (Am)	48	20.8
		Dip. Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	34	14.7
		Dip. Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	26	11.3
		Dip. Kejuruteraan Mekatronik	28	12.1

Sumber: Data kerja lapangan

Analisis statistik deskriptif menggunakan skor min dan sisihan piawai digunakan bagi menerangkan data seterusnya. Skor Min akan ditafsirkan menggunakan Jadual Interpretasi Skor Min yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) seperti Jadual.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar (2006) dan Norasmah (2001)

Persepsi Pelajar Terhadap Proses P&P

Bagi menjelaskan persepsi pelajar terhadap proses P&P, skor min dikira berasaskan skala Likert 1 hingga 5 yang digunakan iaitu (1 = Sangat tidak setuju (STS), 2 = Tidak setuju (TS), (3 = Tidak pasti (TP), 4 = Setuju (S) dan 5 = Sangat Setuju(SS).

Jadual 5: Persepsi Pelajar Terhadap Proses P&P Keseluruhan

Bil	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Kesediaan Mengajar	4.55	0.56	Tinggi
2	Istilah Mudah Difahami	4.57	0.56	Tinggi
3	BBM Sesuai	4.23	0.69	Tinggi
4	BBM Pelbagai	3.90	0.81	Sederhana Tinggi
5	Pengajaran Pensyarah Mudah Difahami	4.21	0.62	Tinggi
6	Pensyarah Menghurai Konsep dan Idea dengan Baik	4.41	0.61	Tinggi
7	Proses P&P Membantu Penguasaan	4.20	0.67	Tinggi
8	Pensyarah Mengajar dengan Berkesan	4.59	3.38	Tinggi
9	Skema Pentaksiran Kursus Dijelaskan dengan Baik	4.33	0.61	Tinggi
10	Tugasan Kursus Dijelaskan dengan Baik	4.39	0.58	Tinggi

11	Semua Tugas Dikembalikan kepada Pelajar	3.92	0.80	Sederhana Tinggi
12	Perbincangan Semula Tugas yang Sudah Selesai Dilaksanakan Pensyarah	4.13	0.83	Tinggi
13	Proses P&P Sangat Menarik	4.24	0.78	Tinggi
14	Pensyarah sangat Membantu Proses P&P	4.55	2.54	Tinggi
	KESELURUHAN	4.30	0.53	Tinggi

Sumber: Data kerja lapangan

Berdasarkan Jadual 5 di atas, skor min tertinggi adalah skor min 4.59 bagi item 8, iaitu pensyarah mengajar dengan berkesan manakala skor min terendah adalah 3.90 bagi item 4, iaitu pensyarah menggunakan BBM yang pelbagai, secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap proses P&P adalah berada pada tahap tinggi, iaitu 4.30.

Persepsi Pelajar Terhadap Proses P & P Berasaskan Gender

Jadual 6 menunjukkan persepsi pelajar terhadap proses P&P mengikut gender (lelaki, n = 158 dan perempuan, n = 73).

Jadual 6: Persepsi Pelajar Terhadap Proses P&P berasaskan Gender

Item Soalan	Jantina	Mean	SD	df	t	Sig
Kesediaan Mengajar	Lelaki	4.56	.55	229	0.369	0.419
	Perempuan	4.53	.58			
Istilah Mudah Difahami	Lelaki	4.58	.57	229	0.351	0.987
	Perempuan	4.55	.54			
BBM Sesuai	Lelaki	4.27	.74	229	1.317	0.000
	Perempuan	4.14	.58			
BBM Pelbagai	Lelaki	3.92	.82	229	0.474	0.453
	Perempuan	3.86	.80			
Pengajaran Pensyarah Mudah Difahami	Lelaki	4.21	.64	229	-0.117	0.444
	Perempuan	4.22	.58			

Pensyarah Menghurai Konsep & Idea dengan Baik	Lelaki	4.39	.65	229	-0.763	0.032
	Perempuan	4.45	.53			
Proses P&P Membantu Penguasaan	Lelaki	4.20	.65	229	0.113	0.660
	Perempuan	4.19	.72			
Pensyarah Mengajar dengan Berkesan	Lelaki	4.68	4.07	229	0.626	0.417
	Perempuan	4.38	.62			
Skema Pentaksiran Kursus Dijelaskan dengan Baik	Lelaki	4.35	.66	229	0.702	0.000
	Perempuan	4.29	.49			
Tugas Kursus Dijelaskan dengan Baik	Lelaki	4.42	.60	229	1.241	0.051
	Perempuan	4.32	.55			
Semua Tugas Kursus Dikembalikan kepada Pelajar	Lelaki	3.99	.81	229	2.018	0.430
	Perempuan	3.77	.75			
Perbincangan Semula Tugas yang Sudah Selesai Dilaksanakan Pensyarah	Lelaki	4.20	.85	229	2.097	0.040
	Perempuan	3.96	.75			
Proses P&P Sangat Menarik	Lelaki	4.25	.80	229	0.127	0.284
	Perempuan	4.23	.72			
Pensyarah sangat Membantu Proses P&P	Lelaki	4.64	3.05	229	0.787	0.354
	Perempuan	4.36	.51			

Sumber: Data kerja lapangan

Hasil analisis persepsi pelajar terhadap proses P&P berasaskan perbezaan gender menggunakan ujian T menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan pada 4 item iaitu penggunaan BBM yang sesuai ($t=0.474$, $df=229$, $p(0.000)<0.05$), pensyarah menghurai konsep dan

idea dengan baik ($t=-0.673$, $df=229$, $p(0.032)<0.05$), skema pentaksiran kursus dijelaskan dengan baik ($t=0.702$, $df=229$, $p(0.000)<0.05$) dan perbincangan semula tugas yang sudah selesai dilaksanakan pensyarah ($t=2.097$, $df=229$, $p(0.040)<0.05$). Secara Keseluruhannya tiada perbezaan yang signifikan terhadap persepsi pelajar apabila dibandingkan mengikut gender terhadap proses P&P seperti mana dinyatakan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Persepsi Pelajar Terhadap Proses P&P berasaskan Gender

	Jantina	Mean	SD	df	t	Sig
Persepsi pelajar terhadap proses P&P	Lelaki	4.33	.58	229	1.353	0.080
	Perempuan	4.23	.37			

Sumber: Data kerja lapangan

Persepsi Pelajar Terhadap Proses P&P Berasaskan Program Pengajian

Analisis statistik inferensi multivariate Manova digunakan untuk menentukan perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji terhadap proses P&P mengikut program pengajian. Ujian *multivariate F* mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min dalam kalangan pelajar mengikut program pengajian bagi item berikut, iaitu item dari segi istilah mudah difahami ($\alpha : 0.024$), BBM pelbagai ($\alpha : 0.001$), pensyarah menghuraikan konsep dan idea dengan baik ($\alpha : 0.048$), proses P&P membantu penguasaan ($\alpha : 0.001$), semua tugas kursus dikembalikan kepada pelajar ($\alpha : 0.039$), perbincangan semula tugas yang telah selesai ($\alpha : 0.000$) dan proses P&P menarik ($\alpha : 0.002$). Jadual 8 menunjukkan perbezaan yang signifikan mengenai persepsi pelajar dari program yang berbeza memberi pelbagai respons terhadap item di atas dalam proses P&P.

Jadual 8: Persepsi Pelajar Terhadap P&P Berdasarkan Program Pengajian

Sumber	Pemboleh ubah Bersandar	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Kuasa Dua Min	F	Signifikan
PROGRAM PENGAJIAN	Kesediaan Mengajar	1.35	5	0.27	.87	.500
	Istilah Mudah Difahami	4.05	5	0.81	2.66	.024
	BBM Sesuai	3.71	5	0.74	1.56	.170
	BBM Pelbagai	13.19	5	2.64	4.25	.001
	Pengajaran Pensyarah Mudah Difahami	4.07	5	0.81	2.16	.059
	Pensyarah Menghurai Konsep dan Idea dengan Baik	4.12	5	0.83	2.27	.048
	Proses P&P Membantu Penguasaan	9.28	5	1.86	4.46	.001
	Pensyarah Mengajar dengan Berkesan	47.41	5	9.48	.83	.532
	Skema Pentaksiran Kursus Dijelaskan dengan Baik	2.15	5	0.43	1.17	.326
	Tugasan Kursus Dijelaskan dengan Baik	2.92	5	0.58	1.73	.129

Semua Tugas Kursus Dikembalikan kepada Pelajar	7.37	5	1.48	2.38	.039
Perbincangan Semula Tugas yang Sudah Selesai Dilaksanakan Pensyarah	14.81	5	2.96	4.67	.000
Proses P&P Sangat Menarik	11.02	5	2.20	3.89	.002
Pensyarah sangat Membantu Proses P&P	52.27	5	10.45	1.64	.149

Sumber: Data kerja lapangan

Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik

Jadual 9 menjelaskan persepsi pelajar terhadap sokongan akademik berasaskan skor min. Skor min tertinggi adalah 4.50 bagi item 2, iaitu sokongan keluarga dan skor min terendah adalah 3.46 bagi item 4, iaitu staf sokongan PSMZA, secara keseluruhannya aspek sokongan akademik skor min adalah berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu pada skor min 3.82, di mana ia menunjukkan bahawa persepsi pelajar adalah positif terhadap sokongan akademik yang disediakan.

Jadual 9: Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik

Bil	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Pusat Sumber	3.69	1.01	Sederhana Tinggi
2	Keluarga	4.50	0.68	Tinggi
3	Rakan Sepengajian	4.07	0.78	Tinggi

4	Staf Sokongan PSMZA	3.46	1.01	Sederhana Tinggi
5	Penasihat Akademik	3.93	0.98	Sederhana Tinggi
6	Kakitangan Akademik	3.77	0.82	Sederhana Tinggi
7	Unit Kaunseling dan Psikologi	3.52	0.97	Sederhana Tinggi
8	Unit Latihan dan Kerjaya	3.55	1.05	Sederhana Tinggi
9	Unit Perhubungan dan Latihan Industri	3.84	0.84	Sederhana Tinggi
10	Unit Peperiksaan	3.84	0.84	Sederhana Tinggi
	MIN KESELURUHAN	3.82		Sederhana Tinggi

Sumber: Data kerja lapangan

Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik Berdasarkan Gender

Jadual 10: Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik Berdasarkan Gender

Item soalan	Jantina	Mean	SD	df	t	Sig
Pusat Sumber	Lelaki	3.63	0.99	229	-1.605	0.897
	Perempuan	3.84	1.04			
Keluarga	Lelaki	4.49	0.73	229	-0.136	0.349
	Perempuan	4.51	0.58			
Rakan Sepengajian	Lelaki	4.11	0.72	229	1.103	0.445
	Perempuan	3.99	0.89			
Staf Sokongan Politeknik	Lelaki	3.34	1.09	229	-2.633	0.000
	Perempuan	3.71	0.75			
Penasihat Akademik	Lelaki	3.91	1.02	229	-0.641	0.012
	Perempuan	4.00	0.87			
Kakitangan Akademik	Lelaki	3.72	0.87	229	-1.523	0.007
	Perempuan	3.89	0.68			
Unit Kaunseling dan Psikologi	Lelaki	3.40	0.98	229	-2.712	0.325
	Perempuan	3.77	0.92			
Unit Latihan dan Kerjaya	Lelaki	3.59	0.91	229	0.735	0.000
	Perempuan	3.48	1.30			

Unit Perhubungan & Latihan Industri	Lelaki	3.79	0.86	229	-1.303	0.196
	Perempuan	3.95	0.78			
Unit Peperiksaan	Lelaki	3.75	0.90	229	-2.373	0.001
	Perempuan	4.03	0.67			

Sumber: Data kerja lapangan

Keputusan analisis persepsi pelajar terhadap sokongan akademik mengikut gender menggunakan ujian T berdasarkan item menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah signifikan pada item berikut; staf sokongan politeknik ($t=-2.633$, $df=229$, $p(0.000)<0.05$), penasihat akademik ($t=-0.641$, $df=229$, $p(0.012)<0.05$), kakitangan akademik ($t=-1.523$, $df=229$, $p(0.007)<0.05$) unit Latihan dan Kerjaya ($t=0.735$, $df=229$, $p(0.0000)<0.05$) dan unit Peperiksaan ($t=-2.373$, $df=229$, $p(0.001)<0.05$). Tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap sokongan akademik seperti dalam Jadual 11 di bawah:

Jadual 11: Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik Berdasarkan Gender

	Jantina	Mean	SD	df	t	Sig
Persepsi pelajar terhadap sokongan akademik	Lelaki	3.77	0.61	229	-1.717	0.860
	Perempuan	3.92	0.56			

Sumber: Data kerja lapangan

Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik Berdasarkan Program Pengajian

Jadual 12: Persepsi Pelajar Terhadap Sokongan Akademik Berdasarkan Program Pengajian

Sumber	Item soalan	Jumlah Kuasa Dua	df	Kuasa Dua Min	F	Signifikan
PROGRAM PENGAJIAN	Pusat Sumber	55.05	5	11.01	13.75	.000
	Keluarga	3.86	5	.77	1.67	.143
	Rakan Sepengajian	13.14	5	2.63	4.70	.000

Staf Sokongan Politeknik	32.50	5	6.50	7.28	.000
Penasihat Akademik	19.86	5	3.97	4.49	.001
Kakitangan Akademik	15.75	5	3.15	5.17	.000
Unit Kaunseling & Psikologi	41.15	5	8.23	10.49	.000
Unit Latihan & Kerjaya	45.64	5	9.13	9.90	.000
Unit Perhubungan & Latihan Industri	28.04	5	5.61	9.49	.000
Unit Peperiksaan	14.33	5	2.87	4.31	.001

Sumber: Data kerja lapangan

Secara keseluruhan, berdasarkan Jadual 12 di atas, analisis statistik inferensi *multivariate* Manova bagi menentukan perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji, iaitu persepsi pelajar terhadap sokongan akademik mengikut program pengajian mendapati bahawa ujian *multivariate* F terdapat perbezaan yang signifikan pada kebanyakan sokongan akademik di PSMZA skor min dalam kalangan pelajar mengikut program pengajian dari segi Pusat Sumber ($\alpha : 0.000$), Rakan Sepengajian ($\alpha : 0.000$), Staf Sokongan politeknik ($\alpha : 0.000$), penasihat akademik ($\alpha : 0.001$), Kakitangan Akademik ($\alpha : 0.000$), Unit Kaunseling dan Kerjaya ($\alpha : 0.000$), unit Perhubungan dan Latihan Industri ($\alpha : 0.000$) dan unit Peperiksaan ($\alpha : 0.001$).

KESIMPULAN

Secara umumnya, tahap persepsi pelajar terhadap proses P&P adalah baik. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap beberapa aspek tertentu, iaitu

pensyarah perlu mempelbagaikan BBM. Begitu juga dengan keperluan pensyarah untuk memulangkan kembali tugas pelajar selepas semakan dibuat. Hasil analisis mendapati bahawa gender tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap proses P&P. Persepsi pelajar terhadap sokongan akademik pula menunjukkan keluarga adalah elemen yang paling menyokong pengajian pelajar di PSMZA diikuti dengan rakan sebaya. Manakala staf sokongan, unit kaunseling serta unit latihan dan kerjaya adalah elemen terendah dalam sokongan akademik tapi masih berada pada tahap sederhana tinggi.

RUJUKAN

- Al-Quran, 2001. Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib. 1997. *Tamadun Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Shalaby. 1982. *Tarikh al-Manahij al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah an-Nahdah al-Misriyyah.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman Md Nor. 2004. *Persepsi pelajar di empat buah Sekolah Menengah daerah Hulu Langat terhadap P&P Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris*. Tesis MA. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Barners. D. 1985. *Practical curriculum study*. London, Boston dan Henley: Routledge & Kegan Paul.
- Bryman, A. & Cremer, D. 1999. *Quantitative data analysis with SPSS release 8 for windows, a guide for social scientist*. London & New York: Doutledge.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku 2 dan 3*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill Malaysia.
- Healey, J. F. Babbie, E. & Halley, F. 1997. *Exploring social issues using SPSS for windows*. London: Pine Forge Press.
- Haider Banmate. 1962. Dalam Osman Khalid. 1988. *Tamadun Islam dan sumbangannya terhadap tamadun manusia: satu tinjauan*. Kertas kerja Kolokium Kefahaman dan Penghayatan Islam ke VIII, 17-18 September 1988. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Heider, Fritz. 1958. *The psychology of interpersonal relations*. New York: Wiley.
- Hosen, T & Postlethwaite, T. N. 1985. *The International encyclopedia of education research and studies*. Oxford: Pergamon Press
- Jaafar al-Bar. 1954. *Tamadun Islam dan kesannya dalam tamadun manusia*. Johor: Jabatan Agama Islam Johor (koleksi Arkib Negara Malaysia : 0036960)
- Mahayuddin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1995. *Sejarah Islam*. Selangor: Fajar Bakti.
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Abdul Razak. 2003. *Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary school*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Provus, M. 1971. *Discrepancy evaluation for education programme improvement and assessment*. Berkely California: Mc Cutchan.
- Rowntree, D. 1981. *A Dictionary of education*. London: Harper & Row Publisher.
- Shaughnessy, J. J. & Zechmeister, E. B. 1997. *Research Methods in Psychology*. New York: Mc Crawl-Hill.
- Stake, R. E. 1967. *The countenance of educational evaluation* : Teachers college Record 68 : 523 - 540
- Stenhouse, L. 1975. *An introduction to curriculum research and development*. London: Heinemann
- Trenholm, S. 1986. *Human community theory*. Englewood Cliffs, N. J. : Prentice Hall.
- Wiersma, W. 1995. *Research methods in education : An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.

PROFIL PENULIS

Nor Hayati Fatmi Talib

Pensyarah
Politeknik Sultan Azlan Shah
Calon PhD
Universiti Kebangsaan Malaysia
yati_6709@yahoo.com

Bani Hidayat Mohd Shafie

Calon PhD
Universiti Kebangsaan Malaysia
bani_3738@yahoo.com

Che Nor Kharsiah Yassin

Pensyarah
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
norkharsiahyasin@yahoo.com

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor
tarmizi@putra.upm.edu.my